

U B681 A A B

CHOGM - MAHATHIR

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 8.30 MALAMINI)

I

KUALA LUMPUR, 23 OKT (BERNAMA) -- PERDANAMENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI, KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM) KEBANYAKANNYA TELAH BERSETUJU DENGAN BANYAK PERKARA YANG DIPANDANG BERAT DAN MEMBERI MAKNA YANG BESAR KEPADA DUNIA.

+WALAUPUN KAMI TIDAK SEPENDAPAT MENGENAI BEBERAPA PERKARA, NAMUN PADABANYAK PERKARA LAGI, KAMI BERSETUJU ANTARA SATU SAMALAIN,+ KATANYAPADA JAMUAN MALAM UNTUK MERAIKAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL YANG MENGHADIRI SIDANG KEMUNCAK DUA TAHUN SEKALI PERTUBUHAN ITU DI SINI.

+MALAH KAMI TIDAK BERCANGGAH PENDAPAT MENGENAI APA YANG HARUS KAMI LAKUKAN BERSABIT BEBERAPA KEGIATAN YANG SALING MEMBANTU YANG MEMBERI MAKNA BEGITU BESAR KEPADA YANG KURANG BERNASIB BAIK ANTARA KAMI DI SINI.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM) DIADAKAN PADA SUATU KETIKA YANG PALING MENARIK DALAM SEJARAH DUNIA DENGAN BANYAK PERUBAHAN YANG MENDATANGKAN KESAN KEPADA SETIAP SEORANG DARIPADA KITA, BERLAKU.

+ADALAH DIHARAPKAN KITA AKAN DAPAT MELIHAT SUATU MASA DEPAN YANG LEBIHBAIK,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA, MESYUARAT ITU TELAH MELUASKAN PANDANGANNYA KERANA MALAYSIA HANYA DAPAT MENJADI TUAN RUMAHCHOGM SEKALI LAGI DALAM TEMPOH 98 TAHUN. -- LAGI

2005MST 23 10 89

U B683 A A B

CHOGM - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MEMUJI SETIAUSAHA AGUNGKOMANWEL, SIR SHRIDATH +SONNY+ RAMPHAL YANG TELAH BERSAMA-SAMA SEKRETARIAT KOMANWEL UNTUK SELAMA 15 TAHUN.

+ADA ANTARA KITA YANG BERHARAP BELIAU DAPAT TERUS MENJADI SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL BAGI SATU PENGGAL LAGI.TETAPI SIR SHRIDATH SENDIRI BERPENDAPAT MASANYA SUDAH TLBA UNTUK SEORANG TOKOH LAIN MENJAWAT JAWATAN TERSEBUT.+

BELIAU BERKATA, SIR SHRIDATH DIANGGAP OLEH BEBERAPA PIHAK SEBAGAI HAMPIRSEPERTI SEBUAH INSTITUSI DAN BELIAU TIDAK AKAN DILUPAI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA SIR SHRIDATH KERANA +TELAH MENYAKINKANNYA UNTUK MENGENALI PERANAN KOMANWEL DAN MENJADIKAN MALAYSIA AKTIF SEMULA DALAM PERTUBUHAN ITU.+

+SONNY BOLEH MENJADI SEORANG YANG SANGAT TEKUN DAN TABAHHATI TERUTAMANYA APABILA DIA BERUSAHA UNTUK MENCAPAI SESUATU YANG DIKEHENDAKINYA DAN SIKAP SEUMPAMA ITULAH YANG AMAT DIPERLUKAN OLEH SESEORANG YANG INGIN, MENJAWAT JAWATAN SEPERTI SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL,+ JELASNYA. -- LAGI

2007MST 23 10 89

U B684 A A B
CHOGM - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI JUGA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA CHIEF EMEKA ANYAOKU DARI NIGERIA BERSABIT PEMILIHANNYA SEBAGAI SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL YANG BARU BERKUATKUASA JULAI TAHUN DEPAN.

KATANYA, PEMILIHAN CHIEF ANYAOKU, YANG TELAH MENJADI TIMBALAN SETIAUSAHAAGUNG KOMANWEL SEJAK 1977, AKAN MEMASTIKAN KESINAMBUNGAN SEKRETARIAT KOMANWEL DIKELKALKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PIHAK AKHBAR JUGA TELAH MEMAINKAN PERANAN MEREKA KETIKA CHOGM BERLANGSUNG.

+SAMBIL MELAPORKAN PERKEMBANGAN YANG BERLAKU DALAM MESYUARAT ITU, MEREKA, JUGA MENGAMBIL PELUANG MENGHENTAM BEBERAPA ORANG ANTARA KITA. IA ADALAH SATU TARIKAN YANG MEREKA, SEPERTI GOLONGAN YANG MEMPUNYAI KUASA MUTLAK, TIDAK DAPAT MELAWANNYA.+

+SAYA BERKATA DEHIKIAN DENGAN RASA BIMBANG KERANA DALAM DUNIA FEUDAL BARU INI, KITATIDAK HARUS BERSIKAP BIADAP TERHADAP MEREKA YANG MEMILIKI KUASA SEBENAR.+ -- BERNAMA

2009MST 23 10 89